

# KUT jalankan 18 program pengajian UPM

Oleh Nazura Ngah

**P**ENUBUHAN Pusat Perikanan dan Sains Samudera di Universiti Putra Malaysia (UPM) di Mengabang Telipot, Kuala Terengganu pada 1979 memberi kesan yang sangat besar kepada penubuhan Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM).

Penubuhan pusat itu bertujuan menyediakan kemudahan latihan pelajar program Perikanan dan Sains Samudera, di samping menyediakan kemudahan penyelidikan untuk pensyarah Fakulti Perikanan dan Sains Samudera UPM.

Pendaftar KUSTEM, Mohd Suib Maulud, berkata berikutan penstrukturkan semula program akademik UPM pada 1996, kese-

luruhan Fakulti Perikanan dan Sains Samudera pada masa itu berada di kampus Serdang, Selangor dipindahkan ke UPM kampus Terengganu.

Katanya, fakulti itu kemudiannya dinamakan Fakulti Sains Guanaan dan Teknologi.

Selain itu, sebuah pusat fakulti dan pengajian turut ditubuhkan di UPM Terengganu dikenali sebagai Fakulti Sains dan Sastera Iktisasi dan Pusat Pengajaran Matrikulasian.

Dengan penstrukturkan semula mulai Jun 1996, UPM Terengganu diiktiraf (secara dalaman UPM) sebagai sebuah pusat tanggungjawab dan dinamakan UPM cawangan Terengganu (UPMT) dan diketuai seorang Rektor.

Pad 5 Mei 1999, Jemaah Menteri meluluskan penubuhan Ko-

lej Universiti Terengganu (KUT) berasarkan Pusat Perikanan dan Sains Samudera UPMT.

Berikutkan keputusan Jemaah Menteri itu, UPMT menyedia dan mengemukakan cadangan pelaksanaan penubuhan KUT kepada Kementerian Pendidikan.

Cadangan itu dipertimbangkan Kementerian Pendidikan dalam mesyuarat pada 6 dan 31 Julai 1999. Keputusan itu diperakunkan Menteri Pendidikan.

Pada Oktober 1999, Prof Datuk Dr Mohd Mahyuddin Mohd Dahan dan Prof Datuk Dr Sulaiman Mohd Yasin masing-masing dilantik sebagai Rektor dan Timbalan Rektor.

Mohd Suib berkata, perisytiharan penubuhan KUT dilakukan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak pada 23 November 1999 di

kampus UPMT.

KUT mula beroperasi sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) pada 1 Januari 2000 dengan dua fakulti dan sebuah institut.

Fakulti itu ialah Fakulti Sains dan Teknologi serta Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, manakala institut itu ialah Institut Oseanografi.

Menerusi Perintah KUT (Perbadanan) (Pindaan) 2002 yang diwartakan pada 12 Disember 2002 dan melalui (P.U. (A) 488) diwartakan pertukaran KUT kepada KUSTEM berkuat kuasa 20 Jun 2001.

Seramai 823 pelajar dari kumpulan pertama mendaftar pada semester Mei 2000/2001 bagi mengikuti 19 program pengajian peringkat sarjana muda. Pada semester November sesi yang



## **PELAJAR KUSTEM gembira selepas menjalani kerja kursus di Pulau Redang.**

sama seramai 118 pelajar peringkat sarjana muda diambil mengikuti pengajian di Kolej Universiti itu.

Pada tahun awal penubuhannya selain menawarkan program pengajiannya sendiri, KUT men-

jalankan 18 program pengajian UPM sehingga pelajar berkenaan menamatkan pengajian masing-masing pada sesi 2002/2003.

Dari segi struktur organisasi, KUSTEM seperti juga IPTA di

negara ini mempunyai Lembaga Pengarah sendiri. Pengerusi dan ahli Lembaga Pengarah KUT dilantik Menteri Pendidikan. Mesyuarat pertama Lembaga Pengarah KUT diadakan pada 30 April 2001.